

# UMS anjur pertandingan mencipta logo

UM 18.2.2015 26

**KOTA KINABALU 17 Feb.** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Jabatan Pendidikan serta Perpustakaan Negeri bakal menganjurkan Pertandingan Mencipta Logo, Moto dan Tema sempena Pesta Buku Borneo 2015 (PBB2015).

Menurut kenyataan Penerbit UMS, pertandingan itu bertujuan mempromosi dan memberi identiti kepada PBB2015 selain mem-

buka peluang orang awam untuk menyumbang peranan dalam menjayakan pesta berkenaan.

Jelas kenyataan itu, borang serta syarat penyertaan boleh didapati melalui kolumn pengumuman di laman portal rasmi UMS.

“Pemenang pertandingan mencipta logo akan menerima hadiah wang tunai RM1,000, trofi dan sijil manakala pemenang pertandin-

gan mencipta moto dan tema pula akan membawa pulang wang tunai RM300, trofi serta sijil.

“Penyertaan hendaklah dihantar kepada Urus Setia Pertandingan Mencipta Logo PBB2015 di pejabat Penerbit UMS yang terletak di Bangunan Perpustakaan UMS sebelum atau pada 27 Februari ini,” ujar kenyataan berkenaan.